

Guna produk M7 masuki pasaran Amerika Syarikat, Pasifik

Misi global Mutiara Motors

KUALA LUMPUR - Pengedar automotif terbesar di Johor, Mutiara Motors Sdn. Bhd., yakin produk automotif jenama M7 mula mendapat tempat di pasaran tempatan berikutan pertambahan rangkaian pengedarnya yang kini melepasi angka 100.

Pengarah Urusan Mutiara Motors, Mokhtar Ahmad berkata, M7 yang meliputi pelbagai produk pelincir dan alat ganti berprestasi tinggi dijual melalui 115 pengedar.

Jelas Mokhtar, M7 turut mempunyai dua pengedar di Amerika Syarikat dan masing-masing satu di Jerman, Australia, China, Thailand dan Filipina.

Mokhtar berkata, produk M7 yang dikeluarkan melalui jalinan usaha sama membabitkan Mutiara Motors dengan syarikat M7 Japan Co. Ltd., sejak beberapa tahun lalu kini mula menunjukkan hasil.

"Kami menjadi ejen utama untuk memasarkan produk M7 Ja-

pan di Malaysia. Pada tahun ini Mutiara Motors dilantik sebagai ejen utama untuk menembusi beberapa pasaran di Asia bagi produk alat ganti berjenama Blitz dan Re-Amemiya," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Hasrat Mutiara Motors menjadi pemain global menerusi produk M7 mampu dicapai pada tahun ini, tambah Mokhtar.

Katanya, misi pengantarabangsaan Mutiara Motors melalui produk M7 diharap dapat melonjakkan syarikat itu sebagai jenama yang diyakini di peringkat global.

Jelas beliau, Mutiara Motors secara berkala menyertai pameran permotoran antarabangsa bagi memperkenalkan syarikat itu kepada pemain industri utama.

"Kita turut menyertai pameran Tokyo Auto Salon 2010 pada bulan lepas. Kami terkejut dengan sambutan diterima walaupun baru pertama kali kami menyertainya," kata Mokhtar.



ORANG ramai melawat ruang pameran M7 Jepun semasa Tokyo Auto Salon 2010 di Tokyo baru-baru ini.